

SOALAN NO: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [SEKIJANG]  
SOALAN : 57**

**Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pendirian pihak Kementerian terhadap operasi kumpulan doula atau bidan tanpa pengiktirafan yang mempromosikan proses kelahiran anak di rumah tanpa pengawasan pihak hospital.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi penekanan yang utama kepada kelahiran selamat yang disambut oleh anggota terlatih dan bertauliah dalam bidang kebidanan. Ini adalah untuk memastikan ibu bersalin tanpa komplikasi serta melahirkan bayi yang sihat. Bagi ibu yang berhasrat untuk bersalin di rumah, kriteria yang perlu dipenuhi ditetapkan selepas saringan dan perbincangan di antara anggota kesihatan diadakan bersama ibu dan pasangan semasa fasa antenatal.

Oleh itu, sebarang aktiviti oleh mana-mana pihak yang mempromosi serta mempengaruhi masyarakat dan membawa kepada kelahiran tidak selamat adalah bertentangan dengan pendirian KKM. Kumpulan *doula* atau bidan tanpa pengiktirafan adalah bukan jururawat kebidanan kerana mereka tidak berdaftar dibawah Akta Bidan 1966 (Akta 436).